

Bil. S 6

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))**

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2019/2020) (BIL. 2), 2024**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 16/2022) bertarikh 29 haribulan Ogos 2022 telah mengisyiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak empat bilion, lapan ratus juta ringgit (\$4,800,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2019/2020), 2019 (Akta 1 tahun 2019).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak dua ratus lapan puluh lima juta, lima ratus lima puluh tiga ribu, sembilan ratus tiga ringgit dan dua puluh satu sen (\$285,553,903.21) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2019/2020) (Bil. 1), 2024.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sebelas juta, lapan ratus tujuh puluh empat ribu, satu ratus lima ringgit dan empat puluh empat sen (\$11,874,105.44).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlumbagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

#### Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2019/2020) (Bil. 2), 2024.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2019/2020, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sebelas juta, lapan ratus tujuh puluh empat ribu, satu ratus lima ringgit dan empat puluh empat sen (\$11,874,105.44) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2019/2020, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperlukan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2019/2020), 2019 (Akta 1 tahun 2019) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2019/2020) (Bil. 1), 2024, adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang tersebut dengan jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, yang merupakan jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

#### JADUAL

Tajuk perbelanjaan	Gelaran	Jumlah wang yang diperuntukkan	Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka
--------------------	---------	--------------------------------	---------------------------------------

#### JABATAN PERDANA MENTERI

SA02A	Jabatan Adat Istiadat Negara	\$57,040.00	\$57,040.00
SA06A	Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	\$175,500.00	\$175,500.00

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

SA22A	Jabatan Kehakiman Negara	\$85,050.44	\$85,050.44
<b>KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI</b>			
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$429,705.00	\$429,705.00
SD09A	Perkhidmatan Rampaihan	\$8,071,500.00	\$8,071,500.00
<b>KEMENTERIAN HAL EHWA DALAM NEGERI</b>			
SE04A	Lembaga Bandaran Tutong	\$109,530.00	\$109,530.00
SE08A	Pejabat Daerah Tutong	\$452,545.00	\$452,545.00
<b>KEMENTERIAN HAL EHWA UGAMA</b>			
SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$1,899,045.00	\$1,899,045.00
<b>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI</b>			
SN05A	Jabatan Pengangkutan Darat	\$250,000.00	\$250,000.00
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$344,190.00	\$344,190.00
		<hr/> <b>\$11,874,105.44</b>	<hr/> <b>\$11,874,105.44</b>

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1445 bersamaan dengan 23 haribulan Januari, 2024 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**